



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR3013
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang OMR
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH (20)** soalan

Jawab **SEMUA** soalan

Sila guna borang OMR yang disediakan

1. Apakah ciri-ciri usahawan yang mampu berdaya saing dan boleh berjaya?
 - A Bertanggungjawab, berwawasan dan bertubuh sasa.
 - B Bertanggungjawab, berkeyakinan dan mampu berjenaka.
 - C Berwawasan, berkeupayaan mengurus dan menilai pencapaian.
 - D Berkehendak maklumbalas, menilai pencapaian dan tidak suka persaingan.

2. Apakah kelebihan memiliki perniagaan?
 - A Dapat menindas masyarakat..
 - B Mencapai potensi sederhana.
 - C Keuntungan yang sederhana
 - D Melakukan sesuatu yang disukai.

3. Apakah keburukan memiliki perniagaan?
 - A Pendapatan yang seimbang.
 - B Kehidupan yang sederhana.
 - C Masa kerja yang singkat dan mudah.
 - D Mampu memberi keuntungan yang maksimum.

4. Apakah faktor yang mampu meningkatkan semangat usahawan?
 - A Faktor perubahan cuaca.
 - B Faktor perubahan musim.
 - C Faktor demografi dan ekonomi.
 - D Faktor perubahan waktu dan masa.

5. Apakah faktor yang menyumbang kepada kegagalan sesebuah perniagaan?
 - A Kurang bertenaga.
 - B Menindas pelanggan.
 - C Kekurangan pengalaman.
 - D Bertanggungjawab secara keseluruhan.

6. Apakah langkah yang perlu diambil untuk mengelak kegagalan?
- A Menindas pekerja.
 - B Urus sumber kewangan.
 - C Tumpuan pada perkara yang sia-sia.
 - D Tidak memahami penyata kewangan.
7. Apakah ciri-ciri perlakuan usahawan di zaman Rasulullah?
- A Suka pada harta terkumpul.
 - B Hidup dalam kesederhanaan.
 - C Kepimpinan dalam bidang perniagaan sahaja.
 - D Menggunakan pengaruh untuk kepentingan diri sendiri.

8.

Kewujudan peluang perniagaan menawarkan barangan dalam pasaran tertentu memberi peluang kepada peniaga untuk menambahkan pendapatan sekali gus menjanjikan pulangan yang memuaskan.

Pernyataan 1

Apakah barang yang dimaksudkan dalam pernyataan 1 di atas?

- A Barang yang telah wujud dan menepati cita rasa.
 - B Barang yang menjanjikan pulangan dan kualiti yang sederhana.
 - C Barang yang telah wujud dalam pasaran tetapi belum memenuhi permintaan dan cita rasa.
 - D Barang yang menjanjikan pulangan yang lumayan dan mampu memberi kesempurnaan dalam kualiti barangan.
9. Yang manakah **tidak benar** tentang langkah dalam mengenal pasti, mengkaji dan memilih peluang perniagaan?
- A Memilih peluang perniagaan yang wujud.
 - B Mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan.
 - C Menganalisis data-data yang tiada kaitan dengan perniagaan.
 - D Menganalisis persekitaran, penilaian diri dan nilai masyarakat.

10. Antara berikut yang manakah melindungi hak perniagaan?

- A Hak Cita
- B Hak Catat
- C Hak Cipta
- D Hak Cetak

11. Apakah perkara yang perlu dilakukan usahawan dalam menganalisa persekitaran, membuat penilaian dan menilai masyarakat?

- A Mengetahui citarasa kini dan cuba menerima sambil membekalkan barang-barang yang lama.
- B Melakukan analisa dan kaji selidik serta menyimpan data tersebut dan tidak melakukan apa-apa.
- C Melakukan kaji selidik tetapi tidak membuat semakan semula bagi mengesahkan data-data yang diperolehi
- D Mengetahui tentang keadaan penduduk, pendapatan serta cita rasa semasa bagi membolehkan usahawan itu mengetahui keperluan dan kehendak masyarakat

12. Apakah akta yang ditetapkan bagi mendaftarkan sesebuah perniagaan?

- A Akta Pendaftaran Perniagaan 1955.
- B Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
- C Akta Pendaftaran Perniagaan 1957.
- D Akta Pendaftaran Perniagaan 1958.

13. Antara berikut, yang manakah terletak dalam risiko kewangan?

- A Debit
- B Pinjaman
- C Tahap kepekatan
- D Tukaran wang domestik

14. Apakah faktor yang perlu diambil kira untuk membuat ramalan jualan?

- i. Faktor bermusim.
- ii. Tempoh jualan pada awal menunjukkan jualan yang rendah.
- iii. Tempoh jualan pada awal menunjukkan jualan yang tinggi.
- iv. Kesedaran rendah pelanggan terhadap kewujudan perniagaan.

- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

15. Apakah faktor untuk memilih lokasi perniagaan?

- i. Jarak dari bekalan bahan.
- ii. Berhampiran dengan bekalan tenaga dan pekerja.
- iii. Jarak dari pasaran.
- iv. Jenis tanah.

- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

16. Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarannya kepada dua, iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Apakah kategori segmen pemasaran tersebut?

- A** Aktiviti
B Geografi
C Demografi
D Psikografik

17. Kos per unit penimbang ialah RM200.00 dan peratus 'mark up' yang ditetapkan ialah 10%. Harga pasaran kalkulator ialah RM230.00. Berapakah harga penimbang untuk dijual jika penjual menggunakan kaedah harga berdasarkan kos (cost based pricing)?

- A RM200.00
- B RM210.00
- C RM220.00
- D RM230.00

18.



Dalam carta aliran operasi, apakah maksud simbol di atas?

- A Proses
- B Simpanan
- C Pemeriksaan
- D Penangguhan

19. Apakah contoh kos tidak langsung tenaga pekerja di dalam restoran?

- A Pelayan
- B Penyelia
- C Tukang masak
- D Pembantu tukang masak

20. Apakah contoh pembiayaan jangka pendek?

- i. Kredit pelanggan
 - ii. Sewabeli
 - iii. Overdraf
 - iv. Saham
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan

SOALAN 1

Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tunggak kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, memahami usahawan dan keusahawanan merupakan asas bagi menjana kesedaran dan kepentingan bidang ini dalam pembangunan negara.

- a) Berikan definisi usahawan. (3 markah)
- b) Huraikan **empat (4)** kelebihan memiliki perniagaan (8 markah)
- c) Jelaskan **empat (4)** kompetensi diri yang perlu ada pada diri seseorang untuk menjadi seorang uusahawan yang berjaya. (8 markah)

SOALAN 2

En Hamidi ingin menjalankan perniagaannya seorang diri. Beliau tidak suka berkongsi dengan orang lain. Beliau juga lebih suka menguruskan perniagaannya sendiri. Namun, beliau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk menubuhkan perniagaan. Sebagai seorang konsultan perniagaan, anda diberi tanggungjawab untuk membantu En Hamidi menubuhkan perniagaan beliau.

- a) Nyatakan **tiga (3)** jenis perniagaan yang boleh diwujudkan. (3 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** dari ciri setiap perniagaan di atas. (6 markah)
- c) Apakah perniagaan yang sesuai untuk En Hamidi dan cadangkan jawapan anda. (2 markah)

SOALAN 3

Jadual di bawah menunjukkan perniagaan, risiko dan pulangan

PERNIAGAAN	RISIKO	PULANGAN
GERAI MAKANAN	Rendah	Rendah
MINI MARKET	Sederhana	Sederhana
HOTEL	Tinggi	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas:

- Huraikan hubungan risiko dan pulangan bagi setiap perniagaan di atas.
(6 markah)
- Terangkan maksud perkhidmatan.
(2 markah)
- Terangkan maksud barangan.
(2 markah)

SOALAN 4

Pak Wahab telah membeli sebuah van untuk tujuan perniagaan. Van tersebut telah dibiayai dengan ansuran sewa beli seperti maklumat di bawah

Jumlah pembiayaan	:	RM70, 000
Kadar	:	8%
Jangka masa	:	10 tahun
Kaedah	:	Tahunan berkurangan

KEPERLUAN:

Sediakan jadual bayaran balik ansuran sewa beli

[10 MARKAH]

SOALAN 5

Berikut adalah proses untuk membuat baju di salah sebuah kedai membuat baju di Segamat.

- a. Pembelian bahan kain
- b. Simpanan bahan
- c. Pemeriksaan kualiti
- d. Pemotongan kain
- e. Pindahkan kain ke bahagian jahitan
- f. Pemeriksaan kain dengan tempahan yang dibuat
- g. Proses menjahit
- h. Menggosok
- i. Pembungkusan
- j. Simpanan sebelum jualan

Keperluan

Sediakan carta alir bagi proses membuat ayam panggang di atas.

(10 markah)

[60 markah]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam buku jawapan yang disediakan

SOALAN 1

Syafiq bercadang membuka kilang membuat roti dengan nama Kedai Kek Mantop di kawasan Kampung Melayu Majidee. Syafiq mengenal pasti tujuh pesaing utama dan saiz pasaran ialah lebih kurang RM800,000 sebulan seperti maklumat berikut.

Bil	Nama Pesaing	Anggaran Jualan Sebulan (RM)
1	Master Patissiere (Johor)	200,000
2	Secret Recipe	240,000
3	Kilang Kek Sedap	80,000
4	Everytime Cake	120,000
5	Perniagaan Kek Valve	80,000
6	Kek Bilal	40,000
7	Kek Wani	40,000
JUMLAH		RM800,000

Syafiq menganggarkan bahawa jika perniagaannya mula beroperasi pada bulan Januari 2018, beliau akan dapat menguasai sebanyak 10% dari jumlah saiz pasaran di atas. Selepas kemasukan Kedai Kek Mantop, peratus pasaran pesaing Master Patissiere, Secret Recipe, Kilang Kek Sedap, Everytime Cake, Perniagaan Kek Valve, Kek Bilal dan Kek Wani masing-masing akan berkurang 1%, 2%, 1%, 2%, 2%, 1%, 1%

Syafiq meramalkan ramalan jualan untuk bulan Januari 2018 adalah sejumlah RM80,000 dan akan meningkat sebanyak 2% sebulan sehingga bulan Disember 2018.

Syafiq juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2019 akan meningkat sebanyak 10% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2018 dan juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2020 akan meningkat sebanyak 20% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2019.

Keperluan

- a) Sediakan jadual peratus pasaran sebelum kemasukan Kedai Kek Mantop.
(2 markah)
- b) Sediakan jadual peratus pasaran selepas kemasukan Kedai Kek Mantop.
(2 markah)
- c) Sediakan ramalan jualan untuk bulan Januari 2018 hingga Disember 2018.
(4 markah)
- d) Sediakan ramalan jualan tahunan bagi tahun 2019 dan 2020.
(2 markah)

SOALAN 2

- a) Syarikat Cuci–Cuci Bas mendapat tawaran mencuci 500 buah bas sebulan pada harga RM100.00 bagi seunit bas. Spesifikasi kerja yang dinyatakan adalah menyembur, membasuh dengan syampu keseluruhan badan dan menggilap dengan menggunakan bahan penggilap.

Bil	Perkara	Harga (RM)
1	Syampu	1,200
2	Bahan penggilap	1,800
3	Gaji penyelia	2,000
4	Upah pekerja	12,500
5	Sewa tapak	1,200
6	Bil air	1,400
7	Bil elektrik	1,200
8	Span dan berus	900
10	Belanja runcit	850

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan:

- i. Kos bahan (2 markah)
- ii. Kos buruh langsung (1 markah)
- iii. Kos tidak langsung (2 markah)
- iv. Jumlah kos operasi (2 markah)
- v. Keuntungan seunit perkhidmatan (3 markah)

SOALAN 3

Berikut merupakan maklumat kewangan untuk Kedai Amsyar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Bekalan pejabat	20,000
Perjalanan dan pengangkutan	40,000
Pengiklanan	60,200
Utiliti	200,000
Kos barang dijual	300,000
Komisyen dan Bonus jualan diterima	30,000
Jualan	1,300,500
Gaji dan upah pejabat	450,300
Faedah sewabeli	10,500
Faedah pinjaman	9,000

Zakat adalah 2.5% ke atas keuntungan dan cukai adalah 28% ke atas keuntungan selepas cukai

Keperluan

Sediakan Proforma Penyata Untung Rugi bagi Kedai Amsyar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT